

Arahan-arahan tertentu untuk mengisi Reten Perkhidmatan PTP

Kolum	Butir/ Perkara	Kemasukan (Sedia Ada)
1	BIL.	Isikan angka mengikut turutan (cth: 1, 2, 3)
2	NAMA KK/KD	Isikan nama Klinik Kesihatan (KK) atau Klinik Desa (KD) yang menawarkan perkhidmatan PTP
3	JUMLAH IBU ANTENATAL BAHARU	Isikan jumlah ibu antenatal baharu di bawah jagaan kawasan operasi bagi bulan semasa. (Contoh: untuk bulan Januari, hanya isi data daripada buku daftar bagi bulan Januari sahaja – daripada 1 Januari sehingga 31 Januari) (Punca Data : Buku Daftar Jagaan Ibu dan Bayi Baru Lahir – KIB 101)
4	BIL. IBU ANTENATAL DIBERI PROMOSI	Isikan jumlah ibu antenatal baharu yang menerima promosi berkenaan perkhidmatan PTP bagi kawasan operasi klinik untuk bulan semasa. (Punca Data : Buku Rekod Kesihatan Ibu - buku <i>pink</i>) Nota: Promosi boleh diberi semasa <i>booking</i> atau di awal kehamilan.
5	BIL. IBU POSTNATAL YANG LAYAK	Isikan jumlah ibu postnatal yang layak mendapat perkhidmatan PTP (tidak mempunyai sebarang kontraindikasi) bagi kawasan operasi untuk bulan semasa. Ibu postnatal ini adalah berdasarkan nama ibu-ibu yang telah didaftarkan dalam PNN 101. (Punca Data: PNN 101) Nota: Catatan boleh dibuat di PNN 101
6	BIL. IBU POSTNATAL YANG MENERIMA PERKHIDMATAN PTP	Isikan bilangan ibu postnatal baharu yang layak dan menerima PTP bagi kawasan operasi untuk bulan semasa (Punca Data: Buku daftar PTP - Lampiran H)

Kolum	Butir/ Perkara	Kemasukan (Sedia Ada)
7	BIL. IBU POSTNATAL YANG MENERIMA PERKHIDMATAN MENGIKUT SESI: 1-2 SESI	<p>Isikan bilangan ibu postnatal yang layak dan menerima 1-2 sesi perkhidmatan PTP pada bulan semasa.</p> <p>(Contoh: untuk bulan Januari, hanya isi data daripada buku daftar bagi bulan Januari sahaja – daripada 1 Januari sehingga 31 Januari)</p> <p>(Punca data: Buku daftar PTP - Lampiran H) Nota: Sila rujuk kolum 12 (catatan)</p>
8	BIL. IBU POSTNATAL YANG MENERIMA PERKHIDMATAN MENGIKUT SESI: ≥ 3 SESI	<p>Isikan bilangan ibu postnatal yang layak dan menerima ≥ 3 sesi perkhidmatan PTP pada bulan semasa.</p> <p>(Contoh: untuk bulan Januari, hanya isi data daripada buku daftar bagi bulan Januari sahaja – daripada 1 Januari sehingga 31 Januari)</p> <p>(Punca data: Buku daftar PTP - Lampiran H) Nota: Sila rujuk kolum 12 (catatan)</p>
9	PENCAPAIAN INDIKATOR I	<p>Catat peratus pencapaian indikator:</p> <p>-Rujuk kamus indikator (Lampiran Q)</p>
10	PENCAPAIAN INDIKATOR II	<p>Catat peratus pencapaian indikator:</p> <p>-Rujuk kamus indikator (Lampiran Q)</p>
11	PENCAPAIAN INDIKATOR III	<p>Catat peratus pencapaian indikator:</p> <p>- Rujuk kamus indikator (Lampiran Q)</p>
12	CATATAN	<p>Mohon isi catatan berkenaan pelanggan yang mendapat sesi perkhidmatan pada bulan yang berlainan. Ini bagi memastikan nama pelanggan tidak diulang daftar pada bulan berikutnya.</p> <p>Contoh: “A menerima sesi 1 dan 2 pada bulan Januari. Sesi 3 dan seterusnya diberikan pada bulan Februari.”</p>

CONTOH

Contoh situasi dan tatacara merekodkan data pesakit:

Status	Contoh 1 Kedua-dua KK menawarkan perkhidmatan PTP	Contoh 2 Hanya 1 KK menawarkan perkhidmatan PTP
Antenatal	<p style="text-align: center;"><u>KK A</u></p> <p>Ibu menerima temujanji <i>antenatal</i> di KK A (didaftarkan dalam KIB 101). Data tersebut akan menyumbang kepada kolum 3 pada borang reten Lampiran K Pin.1/2020.</p> <p>Beliau telah diberi promosi PTP di KK A (buku daftar promosi/ catat pada KIB 101). Data tersebut akan menyumbang kepada kolum 4 pada borang reten Lampiran K Pin.1/2020.</p>	<p style="text-align: center;"><u>KK C</u></p> <p>Ibu menerima temujanji <i>antenatal</i> di KK C yang tidak menawarkan perkhidmatan PTP.</p>
Postnatal	<p style="text-align: center;"><u>KK B</u></p> <p>Semasa <i>postnatal</i>, beliau telah balik ke kampungnya dan seterusnya <i>follow-up postnatal</i> di KK B.</p> <p>Semasa <i>postnatal visit</i> yang dilakukan oleh jururawat di KK B, beliau diberikan promosi PTP dan didapati beliau layak menerima PTP (catat dalam PNN 101). Data tersebut akan menyumbang kepada kolum 5 pada borang reten Lampiran K Pin.1/2020.</p> <p>Beliau amalkan PTP untuk 3 sesi (catat dalam Lampiran H). Data tersebut akan menyumbang kepada kolum 8 pada borang reten Lampiran K Pin.1/2020.</p>	<p style="text-align: center;"><u>KK D</u></p> <p>Semasa <i>postnatal</i>, beliau telah balik ke kampungnya dan seterusnya <i>follow-up postnatal</i> di KK D yang menawarkan perkhidmatan PTP.</p> <p>Semasa <i>postnatal visit</i> yang dilakukan oleh jururawat di KK D, beliau diberikan promosi PTP dan didapati beliau layak menerima PTP (catat dalam PNN 101). Data tersebut akan menyumbang kepada kolum 5 pada borang reten Lampiran K Pin.1/2020.</p> <p>Beliau amalkan PTP untuk 2 sesi (catat dalam Lampiran H). Data tersebut akan menyumbang kepada kolum 7 pada borang reten Lampiran K Pin.1/2020.</p>

Catatan:

- Ibu yang tidak pernah diberi promosi semasa antenatal tetapi **diberi promosi semasa postnatal tidak diambil kira** dalam statistik promosi PTP.